



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI PENYELAMATAN DAN PEMULIHAN HAIWAN



DVS/KAKH/05/2019

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENYELAMATAN DAN PEMULIHAN HAIWAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000
Fax : 603 888 6472
Email : pro@dvs.gov.my

Cetakan Pertama : 2019

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

No. ISBN :

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, samaada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	KATA SINGKATAN	2
6.0	PENGURUSAN DAN KEPERLUAN BAGI AKTIVITI PENYELAMATAN DAN PEMULIHAN HAIWAN	3
6.1	Peringkat pengurusan dan pemulihan haiwan	
6.2	Keperluan bagi penyelamat haiwan	
6.3	Khidmat rawatan veterinar	
7.0	RUJUKAN	9
8.0	LAMPIRAN	10

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENYELAMATAN DAN PEMULIHAN HAIWAN

1.0 PENDAHULUAN

Kebajikan haiwan perlu diutamakan pada setiap masa. Ini termasuk dalam pengurusan dan penjagaan haiwan yang diselamatkan dan dipulihkan dengan mengutamakan aspek kebajikan haiwan.

Lima (5) keperluan haiwan yang perlu dipenuhi seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 24, Akta Kebajikan Haiwan 2015 adalah:-

- I. Keperluannya kepada persekitaran yang sesuai;
- II. Keperluannya untuk diet yang sesuai;
- III. Keperluannya untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakukannya yang semula jadi;
- IV. Keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- V. Keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecenderaan atau penyakit.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) ini menggariskan panduan kepada sesiapa yang menjalankan aktiviti pengurusan dan penjagaan haiwan yang diselamatkan dan dipulihkan. Ianya perlu dipatuhi oleh pemunya, pegawai veterinar, doktor veterinar berdaftar, pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pekerja yang terlibat. Pengurusan dan penjagaan haiwan yang diselamatkan dan dipulihkan harus dilakukan secara beretika, teratur dan mengelakkan penderitaan pada haiwan.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memberikan garis panduan dan rujukan untuk doktor veterinar berdaftar, pengendali haiwan, pekerja, penyelamat haiwan, dan tidak terhad kepada yang tersebut di atas.
- 2.2 Memberikan garis panduan bagi mengurus dan menjaga haiwan yang diselamatkan dan dipulihkan.

3.0 SKOP

KAKH ini menjelaskan amalan baik serta keperluan standard minima yang perlu dipatuhi dari aspek kemudahan bagi mengurus dan menjaga haiwan yang diselamat dan dipulihkan.

4.0 DEFINISI

- 4.1 "haiwan yang diselamatkan" bermaksud mana-mana haiwan yang dikeluarkan daripada keadaan bahaya, serangan atau mudarat, tidak termasuk kejadian wabak penyakit.
- 4.2 "penyelamat haiwan" bermaksud mana-mana organisasi atau individu yang dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan untuk menjalankan aktiviti penyelamatan dan pemulihan haiwan.
- 4.3 "Penjagaan Haiwan Angkat (Foster Care)" bermaksud penjagaan haiwan yang diambil daripada penyelamat haiwan.
- 4.4 "kuarantin" bermaksud pengasingan mana-mana haiwan daripada sebarang perhubungan dengan haiwan lain bertujuan untuk memerhati sebarang tanda penyakit berjangkit pada haiwan dan meminimalkan risiko perebakan penyakit.
- 4.5 "pindah milik" bermaksud memindah milik haiwan kepada pemunya haiwan baharu yang akan bertanggungjawab ke atas keperluan haiwan tersebut.
- 4.6 "Pemulihan dan Program Latihan Pematuhan Haiwan (Re-schooling)" bermaksud melatih semula haiwan dengan tujuan pindah milik kepada pemunya baru.

5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 AWO - Pegawai Kebajikan Haiwan
- 5.2 DVS - Department of Veterinary Services
- 5.3 JKT - Jabatan Kerajaan Tempatan
- 5.4 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan
- 5.5 SOP - Arahan Prosedur Tetap

6.0 PENGURUSAN DAN KEPERLUAN BAGI AKTIVITI PENYELAMATAN DAN PEMULIHAN HAIWAN

- 6.1 Peringkat pengurusan dan pemulihan haiwan
Peringkat pengurusan dan pemulihan haiwan yang diselamatkan dan dipulihkan
 - a. Penyelamatan haiwan
 - b. Pemulihan haiwan
 - c. Penjagaan Haiwan
 - d. Pindah Milik Haiwan
- 6.2 Keperluan bagi penyelamat haiwan
 - 6.2.1 Lesen menjalankan aktiviti penyelamatan dan pemulihan
Tiada penyelamat haiwan yang boleh melakukan aktiviti menyelamat dan pemulihan haiwan kecuali mempunyai lesen untuk melakukannya.
 - 6.2.2 Kemahiran pengendalian haiwan
Penyelamat haiwan yang terlibat dalam aktiviti menyelamat dan pemulihan haiwan ini haruslah mempunyai pengetahuan seperti berikut:-
 - a. mengekang dan menguruskan haiwan;
 - b. menilai haiwan yang normal atau tidak;
 - c. mengenalpasti kecederaan dan kesihatan;
 - d. pencegahan kemalangan di tempat kerja;
 - e. penggunaan dan kesan sampingan bahan kimia, disinfeksi, dan bahan-bahan toksik dalam pengurusan haiwan; dan
 - f. penggunaan peralatan perapian haiwan
 - 6.2.3 Peralatan dan kemudahan yang diperlukan
Menyediakan kemudahan dan peralatan penyelamatan yang bersesuaian, mengikut keperluan seperti di bawah:-
 - a. Tali
 - b. Choke chain
 - c. Sangkar mudah alih
 - d. Serkap jaring (Pole Net)
 - e. Pencekup Anjing (Dog Grasper)

- f. Perangkap dan umpan yang sesuai, selamat dan tidak mencederakan haiwan
- g. Menggunakan peralatan pelindungan diri yang sesuai
- h. Makanan haiwan

6.2.4 Aktiviti menyelamatkan dan pemulihan haiwan

- a. Memastikan persekitaran yang selamat bagi aktiviti menyelamatkan haiwan.
- b. Memastikan kaedah menyelamatkan dan peralatan yang sesuai digunakan.
- c. Memastikan keselamatan haiwan yang hendak diselamatkan, penyelamat haiwan dan orang awam di persekitaran semasa aktiviti menyelamatkan.
- d. Semua haiwan yang diselamatkan atau dipulihkan haruslah diberikan tanda pengenalan yang sesuai
- e. Semua haiwan yang diselamatkan atau dipulihkan haruslah dikuarantinkan sebelum ditempatkan bersama dengan haiwan lain. Tempoh kuarantin haruslah ditentukan oleh doktor veterinar berdaftar atau pihak berkuasa veterinar.
- f. Haiwan yang diselamatkan dan memerlukan pemulihan fizikal haruslah ditentukan oleh doktor veterinar berdaftar atau pihak berkuasa veterinar.
- g. Merekodkan data haiwan yang diselamatkan atau dipulihkan.

6.2.5 Keperluan minima penjagaan haiwan

- a. Semua premis pemulihan haiwan haruslah mempunyai kemudahan bagi tujuan menerima, mengurus, memelihara, mengangkut dan urusan pindah milik haiwan.
- b. Semua premis pemulihan haruslah mempunyai komponen berikut namun tidak terhad kepada perkara di bawah:
 - Ruang rawatan
 - Ruang kuarantin
 - Ruang simpanan makanan haiwan
 - Ruang penyediaan makanan

- c. Tanpa mengira spesies, baka, umur dan keadaan haiwan yang diselamatkan atau dipulihkan, penyelamat haiwan haruslah memastikan setiap haiwan mendapat penjagaan yang berikut:
- Memberikan penjagaan dan kecemasan yang diperlukan dari semasa ke semasa;
 - Memberikan makanan dan diet yang sesuai serta mencukupi;
 - Menyediakan bekalan air bersih sepanjang masa;
 - Menyediakan kawasan dengan suhu dan ventilasi yang sesuai;
 - Memastikan haiwan dilindungi daripada faktor cuaca yang tidak sesuai;
 - Memastikan peralatan makan dan minum yang sesuai dan mencukupi;
- d. Setiap premis pemulihan haiwan hendaklah mempunyai sangkar sama ada secara sendirian atau berkumpulan. Saiz sangkar hendaklah mencukupi untuk haiwan makan, tidur, berdiri, duduk, baring dengan selesa, meregang dan bergerak dengan bebas. Tinggi sangkar hendaklah berada pada ketinggian yang sesuai untuk memudahkan pembersihan. Keperluan saiz adalah seperti dalam **Lampiran 1**.
- e. Setiap premis pemulihan haiwan hendaklah mempunyai peti kecemasan untuk haiwan seperti **Lampiran 2**.
- f. Setiap premis penginapan haiwan hendaklah mempunyai persiapan minima yang mencukupi bagi menghadapi sebarang insiden kebakaran seperti di **Lampiran 3**.

- 6.2.6 Prosedur pelupusan haiwan
Pelupusan hendaklah dijalankan berpandukan kepada panduan yang telah ditetapkan dalam KAKH Aktiviti Pelupusan Haiwan.
- 6.2.7 Larangan pembiakbakaan haiwan
Langkah-langkah pencegahan pembiakbakaan haiwan hendaklah ditetapkan oleh mana-mana doktor veterinar berdaftar.

6.2.8 Pemulihan dan Program Latihan Pematuhan Haiwan (*Re-schooling*)

- a. *Re-schooling* dijalankan bagi mengurangkan risiko pengenalan haiwan yang tidak mempunyai tabiat yang baik.
- b. Haiwan yang diberi pemulihan fizikal haruslah menjalani *re-schooling* bagi memastikan haiwan tersebut mempunyai adaptasi yang mencukupi.
- c. Penyelamat haiwan yang menjalankan *re-schooling* haruslah mempunyai SOP yang didokumenkan.
- d. Setiap *re-schooling* yang dijalankan haruslah direkodkan

6.2.9 Penjagaan Haiwan Angkat (*Foster Care*)

- a. Suatu perjanjian bertulis hendaklah disediakan diantara penyelamat haiwan dan penjaga haiwan angkat berkaitan penjagaan dan kebajikan haiwan tersebut.
- b. Rekod atau sebarang dokumen identifikasi bagi setiap haiwan haruslah disimpan di pusat penjagaan haiwan di mana haiwan itu ditempatkan dan satu salinan kepada organisasi/individu.

6.2.10 Pengangkutan

Penyelamat haiwan yang terlibat dengan pemindahan haiwan haruslah memastikan perkara berikut:

- a. Penjagaan dan kebajikan haiwan semasa pengumpulan dan pengangkutan haiwan dititikberatkan;
- b. Kebersihan dan keselamatan kenderaan terjaga;
- c. Kenderaan mematuhi piawaian minima untuk mengangkut haiwan yang dikeluarkan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.
- d. Haiwan diangkut dengan tempoh masa yang paling singkat.

6.2.11 Pindah Milik Haiwan

- a. Syarat-syarat pindah milik haiwan adalah seperti berikut:-

- Memiliki rekod kesihatan haiwan yang lengkap;
- Haiwan berada di dalam keadaan sihat semasa proses pindah hak milik dan telah diperiksa oleh doktor veterinar berdaftar;
- Haiwan terutamanya anjing dan kucing perlu dipastikan telah divaksinasi dengan vaksin asas (*core vaccine*) mengikut jadual seperti Lampiran 4 sebelum haiwan dipindah milik.

b. Haiwan sebaiknya dimandulkan sebelum dipindah milik.

6.2.12 Tuntutan Haiwan oleh Pemunya

- a. Haiwan boleh dituntut oleh pemunya dimana-mana peringkat aktiviti pengurusan dan penjagaan haiwan yang diselamat dan dipulihkan.
- b. Semua penyelamat haiwan haruslah mempunyai polisi bagi proses tuntutan haiwan yang diselamatkan.

6.2.13 Rekod penyelamatan haiwan

- a. Rekod haruslah disimpan dan boleh diperiksa pada bila-bila masa.
- b. Butiran rekod yang perlu disimpan adalah:
 - Spesies;
 - Baka;
 - Jantina;
 - Umur;
 - Nombor mikrochip, tatu, atau sebarang tanda pengenalan unik yang lain;
 - Warna dan tanda unik pengenalan haiwan;
 - Status kesihatan semasa diselamatkan;
 - Tarikh diselamatkan
 - Tarikh pindah milik
 - Rekod vaksinasi sekiranya berkaitan;
 - Rekod pemeriksaan kesihatan oleh doktor veterinar berdaftar;
 - Tempat di mana haiwan itu diselamatkan
 - Nama dan alamat penyelamat haiwan di mana haiwan itu dipindahkan dan tarikh pemindahan;
 - Rekod kematian dan sebabnya (sekiranya diketahui)

6.3 Khidmat Rawatan Veterinar

6.3.1 Khidmat rawatan daripada doktor veterinar berdaftar adalah perlu jika haiwan menunjukkan tanda-tanda seperti yang berikut:

- a. Hidung berhingus
- b. Mata berair, merah dan bengkak
- c. Bersin berulang kali
- d. Batuk
- e. Muntah
- f. Cirit-birit berlarutan melebihi 3 hari atau sekiranya berdarah
- g. Ketempangan
- h. Tidak boleh berdiri atau berjalan (*inability to stand or walk*)
- i. Perdarahan atau pembengkakan bahagian badan
- j. Kesusutan berat > 10% dalam seminggu
- k. Perubahan dalam perwatakan mendadak semasa dalam penginapan
- l. Kelesuan ekstrem
- m. Tiada selera makan melebihi 3 hari
- n. Kesakitan ketara
- o. Sawan atau terhuyung-hayang (*fits or staggering*)
- p. Pengembungan abdomen (*bloating*)
- q. Tidak boleh kencing atau berak

7.0 RUJUKAN

- 7.1 Agriculture.ny.gov -small animals minimum space require for dogs
- 7.2 Code of Practice for the Management of Dog and Cat in Shelters and Pounds (revision 1), June 2011, <http://www.dpi.vic.gov.au/pets/aboutpets>
- 7.3 International Association of Assistance Dog Partners
- 7.4 New South Wales Animal Welfare Code of Practice No 5 - Dogs and Cats in Animal Establishment (1996)
- 7.5 New Territory Government Animal Welfare
- 7.6 RSPCA Guideline for the Design and Management of Animal Shelter, 2006
- 7.7 Tatacara Operasi Piawaian (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, Bil 5/2014]
- 7.8 WSAVA Vaccination-Guidelines

Lampiran 1

SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN

(Haiwan hanya boleh disimpan dalam sangkar/
pen ini untuk maksimum 4 minggu)

Jenis Haiwan (Spesies)	Keluasan lantai minima (cm ²)	Lebar minima (cm)	Ketinggian minima (cm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
ANJING					
anak anjing (8-16 minggu) kurang dari 3 kg lebih 3 kg	6,000 6,000	60 60	50 50	4 2	1,500 3,000
dewasa (ketinggian) kurang dari 40 cm 40 - 70 cm lebih 70 cm	15,000 24,000 35,000	90 100 120	Tinggi 15cm dari hujung kepala ke hujung atas sangkar	1 1 1	10,000 12,000 17,000
dewasa (ketinggian) ibu menyusu anak menyusu	35,000	120		1	17,000 4,000
KUCING					
anak kucing (8 - 12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	4 1	1,500 1,500
ARNAB					
anak (6 - 12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	6 2	300 600
GUINEA PIGS	2,500	50	40	4	600
TIKUS KASTURI/ TIKUS PUTIH/ MENCIT (MICE)	600	20	20	2	300
ULAR					
sehingga 100 cm 100 - 250 cm 250 - 400 cm lebih 400 cm	2,000 4,500 6,000 10,000	45 50 50 90	35 50 50 75	2 2 2 1	1,000 2,250 3,000 5,000

Jenis Haiwan (Spesies)	Keluasan lantai minima (cm ²)	Lebar minima (cm)	Ketinggian minima (cm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
CICAK					
Tokek, Mengkarung, Cicak tanpa kaki untuk 25 cm dari muncung hingga dubur	1,800	30	20	3 dewasa atau 10 juvana	300
Biawak, Mengkarung untuk 30 cm panjang *	2,100	40	40	3 dewasa atau 10 juvana	350
untuk 50 cm panjang **	2,500	40	40		600
untuk 90 cm panjang ***	7,000	90	60	2 dewasa or 5 juvana 1	3,500
Biawak untuk 120 cm panjang	10,000	90	90	1	5,000
untuk 200 cm panjang	30,000	150	120	1	15,000
KATAK POKOK & TANAH					
kecil	1,800	30	40	3	400
besar	2,500	50	30	6	150
BURUNG SANGKAR "INDOOR"					
Saiz burung cm panjang					
10	1,000	-	34	2	500
12	1,600	-	34	2	800
30	5,000	-	70	2	2,500
40	8,000	-	70	2	5,000
50	22,500	-	100	2	7,500
90	36,000	-	120	2	12,000

Jenis Haiwan (Spesies)	Keluasan lantai minima (cm ²)	Lebar minima (cm)	Ketinggian minima (cm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
BURUNG SANGKAR "Outdoor"					
Saiz burung cm panjang					
10	3,700	-	180	2	1,800
12	7,200	-	180	2	3,600
30	10,000	-	180	2	5,000
40	15,000	-	180	2	7,500
50	25,000	-	180	2	12,500
90	50,000	-	180	2	25,000
KURA-KURA	KEDALAMAN AIR				
		MINIMA			
Karapas 0 -10 cm	1,800	30	20	3	300
Karapas 10 – 20 cm	3,600	40	30	3	600
Karapas lebih 20 cm	6,000	40	30	3	1,500

Nota:

Tikus juvana (kurang dari 8 minggu) boleh ditempatkan sebanyak 4 ekor dalam satu sangkar.

Ular sawa juvana (kurang daripada 40 cm) boleh disimpan bersendirian dalam unit halaman dengan keluasan lantai minimum 480 cm². Unit-unit ini boleh disimpan dalam satu kepungan suhu.

- * Kumpulan ini termasuk Mengkarung Bata Hitam (Black Rock), Pokok, Putih (White's) dan Belang.
- ** Termasuk Mengkarung berbadan berat dan spesies gerak-pancut (shower-moving) seperti Lidah-biru (Blue-tongue), Sirap belakang (Shingleback dan Gidgee)
- *** Termasuk Mulet Darat, Yakka dan Mengkarung Raja.

Lampiran 2

PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel Pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. Pembalut tanpa perekat (*Non adhesive dressing*)
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forsep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Kasa swab (*Swab gauze*)
14. *Penlight*
15. Pensanitasi (*Sanitizer*)
16. Pembalut (*Bandage*)

Lampiran 3

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PERSIAPAN MENGHADAPI KEBAKARAN.

1. Mengenalpasti laluan keluar kecemasan untuk mengeluarkan haiwan dari dalam premis semasa kebakaran.
2. Menyediakan alat pemadam api atau gulungan hos api yang cukup untuk mencapai semua kurungan haiwan.
3. Barang yang mudah terbakar disimpan di kawasan yang terpisah dari tempat kurungan haiwan
4. Memasang alat pengesan asap yang mencukupi bagi premis kurungan haiwan yang tertutup.
5. Merokok adalah tidak dibenarkan di premis kurungan haiwan/ kawasan pameran.
6. Tanda "dilarang merokok" diletakkan di tempat-tempat yang mudah dilihat di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
7. Pemadam api yang digunakan hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat.

Lampiran 4

VAKسين ANJING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Distemper Canine	MLV	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
hepatitis berjangkit	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
CAV-1 or CAV-2	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Jangkitan Parvovirus	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Bordetella	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Attenuated	IH	>2	-	-	Dua Kali Setahun
Parainfluenza	MLV	SC, IM or IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Leptospirosis	Inactivated	SC or IM	10-12	14-16	-	Tahunan
Rabies *	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

VAKسين KUCING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Panleukopenia (FP)	Inactivated	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV IN	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Penyakit Herpesvirus	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Type 1 (FAV-1)	MLV IN	IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Penyakit Calicivirus (FCV)	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV IN	IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Feline Leukemia (FeLV)	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	IM	IM	8	2-3 kemudian	2-3 kemudian	Tahunan
Rabies *	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

** Diluluskan untuk digunakan pada kucing (hanya satu vaksin sejak Januari 1983). Penggunaan vaksin MLV yang tidak diluluskan pada kucing boleh mengakibatkan penyakit Rabies vaksin-terinduksi.

SC = Bawah kulit, IM = intraotot, IN = intranasal

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini samada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

NOTA

NOTA

NOTA

NOTA



www.dvs.gov.my